

## RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

### NO. RAYUAN TRK (P) 1-2010

#### FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada 26 Jun 1989. Salah satu aktiviti perniagaan Perayu ialah membekalkan perkhidmatan mengutip hutang bagi pihak klien yang terdiri dari institusi perbankan dan perdagangan. Pada 13 Februari 2009, Perayu telah memohon Ketetapan Kastam di bawah seksyen 6A, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 atas perkara sama ada aktiviti *Debt Collection – Commission Earned on Collection Amount* dikenakan cukai perkhidmatan atau tidak. Pada 8 Disember 2009 Ketua Pengarah Kastam telah memutuskan “perkhidmatan *debt collection and receivables management services* adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Jadual Kedua, Kumpulan G, item 13(r), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975.”
2. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal pada 6 Januari 2010.

#### ISU

1. Sama ada Perayu ada membekalkan perkhidmatan pengurusan akaun belum terima (*receivables management services*) sepertimana keputusan di dalam Ketetapan Kastam bertarikh 8 Disember 2009.
2. Hujahan Perayu adalah bahawa aktiviti mengutip hutang yang Perayu jalankan bagi pihak klien bukan satu perkhidmatan yang kena dibayar cukai kerana aktiviti tersebut tidak mengandungi unsur-unsur pengurusan sebenar dan perayu hanya menerima komisyen daripada klien. Perayu juga berhujah bahawa Ketua

Pengarah Kastam tidak sepatutnya mengambil kira aktiviti pengurusan akaun belum terima (*receivables management service*) semasa membuat Ketetapan Kastam kerana Perayu tidak menjalankan aktiviti tersebut walaupun aktiviti tersebut ada dinyatakan di dalam beberapa dokumen yang Perayu kepilkan bersama borang permohonan Ketetapan Kastam (Jadual A).

3. Hujahan Responden adalah aktiviti mengutip hutang oleh Perayu adalah perkhidmatan bercukai kerana aktiviti tersebut terjatuh dalam kategori “penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan di bawah Jadual Kedua, Kumpulan G, item 13(r), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975” yang dikenakan cukai perkhidmatan kerana Perayu ada melaksanakan fungsi utama pengurusan seperti *planning, organizing, leading and controlling* semasa mengurus aktiviti mengutip hutang.
4. Sama ada aktiviti mengutip hutang oleh Perayu tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975.

(Selepas rayuan difailkan pihak-pihak telah menjalani proses rundingan penyelesaian sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 141P Akta Kastam 1967 tetapi gagal. Pendengaran penuh telah diadakan)

## **KEPUTUSAN**

1. Tribunal memutuskan berdasarkan borang permohonan Ketetapan Kastam (Jadual A) yang menyatakan deskripsi perkhidmatan sebagai *debt-collection* sahaja, keputusan Ketua Pengarah Kastam di dalam Ketetapan Kastam yang menyatakan *debt-collection and receivables management services* adalah bertentangan dengan peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Ketetapan Kastam) 2007. Ini adalah kerana Ketua Pengarah Kastam terikat

dengan deskripsi barang atau perkhidmatan yang dinyatakan di dalam borang permohonan Ketetapan Kastam (Jadual A).

2. Seterusnya berdasarkan kepada keterangan, Tribunal memutuskan aktiviti mengutip hutang oleh Perayu bagi pihak klien adalah sejenis perkhidmatan pengurusan seperti mana yang diperuntukkan di dalam item 13(r), Kumpulan G, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 kerana Perayu juga melaksanakan fungsi utama pengurusan seperti *planning, organizing, leading and controlling* semasa menjalankan aktiviti mengutip hutang.
3. Rayuan ditolak.

6 Mei 2010